




**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001  
Faks : 03-88892187  
E-mel : abubakar.kppa@jpa.gov.my  
Web : http://www.jpa.gov.my



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/2/8 Jld. 2 ( 3 )  
Tarikh : 16 Disember 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

**PELAKSANAAN PEMERIKSAAN KESIHATAN BAGI PEGAWAI  
PERKHIDMATAN AWAM GRED 54 DAN KE ATAS BAGI TUJUAN KENAIKAN  
PANGKAT**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA(S)215/13(13) bertarikh 20 Ogos 2009 telah mewajibkan pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi menjalani pemeriksaan kesihatan pada setiap tahun. Tujuannya ialah untuk memastikan kesihatan pegawai sentiasa berada di tahap yang baik agar dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang.

3. Bagi meningkatkan lagi kesedaran terhadap penjagaan tahap kesihatan penjawat awam, di samping pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, pegawai di Gred 54 juga **diwajibkan** untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan mengemukakan **Borang Pemeriksaan Klinikal, Rujukan Dan Intervensi** serta **Borang BSSK/L/1/2008** (bagi lelaki dewasa) atau **BSSK/W/1/2008** (bagi wanita dewasa) seperti dilampirkan bagi tujuan pertimbangan kenaikan pangkat. Laporan pemeriksaan kesihatan seperti di lampiran hendaklah disertakan bersekali dengan borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) / Laporan Penilaian Prestasi Khas (LNPK) bagi pegawai Gred 54. Untuk makluman, laporan pemeriksaan kesihatan yang dilampirkan tersebut adalah sah untuk diguna pakai dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh pengesahan oleh Pegawai Perubatan.

4. Kerajaan berharap usaha ini akan meningkatkan kesedaran pegawai awam untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan memastikan tahap kesihatan sentiasa dalam keadaan yang baik supaya tidak menjejaskan prestasi dan mutu penyampaian perkhidmatan.

Sekian, dimaklumkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA**

s.k.:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan